



Ruj. MIDA : MIDA.024.400-5/5/11

Tarikh : Ogos 2026

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : SH MIDA BIL: 14/2026

**PERKARA : SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PEMBEKALAN
PERALATAN GIMNASIUM DI TINGKAT 13, BANGUNAN
MIDA SENTRAL**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada :

Sesiapa Yang Berkenaan

Pelawaan Sebut Harga oleh :

Ketua Pegawai Eksekutif

**Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
(MIDA), Bahagian Pengurusan Korporat**

Tingkat 14, MIDA Sentral, No. 5

Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03 – 2267 3633

No. Faks : 03 – 2274 7970

Sebut Harga adalah dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah **Kod Bidang:-**

030501 – Peralatan Sukan Padang, Gelanggang, Rekreasi, Taman Permainan, Kecergasan Dan Sukan

dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa

1. PERINGATAN

- 1.1 Penyebutharga-penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebut harga sebelum mengemukakan tawaran.
- 1.2 **Pastikan dokumen sebutharga ditaip mengikut format seperti yang telah ditetapkan di dalam borang maklumbalas teknikal dan harga (*soft-copy* dibekalkan).**
- 1.3 MIDA tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran lain.
- 1.4 Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan.**

2. JAMINAN ATAS SEBUTHARGA

- 2.1 Pendaftaran penyebutharga-penyebutharga di Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebutharga-sebutharga yang dikemukakan. Sekiranya penyebutharga-penyebutharga menarik balik tawaran sebelum sebutharga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, tindakan tatatertib akan diambil dan MIDA akan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membatalkan pendaftaran syarikat tuan sebagai Kontraktor Kerajaan.

3. DOKUMEN SEBUTHARGA

BAB 1 – Surat Akuan Penyebut harga & Surat Akuan Pembida

BAB 2 – Spesifikasi Teknikal & Skop Perkhidmatan

BAB 3 –Borang Jadual Harga

BAB 4 – Pengalaman Syarikat

BAB 5 – Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat

4. **PENYERAHAN SEBUT HARGA**

4.1 Dokumen sebut harga hendaklah lengkap, ditandatangani dan diserahkan kembali kepada MIDA **termasuk 'soft-copy'** tidak lewat jam **12.00 tengah hari pada 24 Ogos 2026 (Isnin)**.

4.2 Tawaran ini hendaklah dikemukakan dalam **satu (1) sampul surat berlakri (sealed) beserta dokumen-dokumen yang mesti dikembalikan** iaitu :-

1.	Bab 1	Surat Akuan Penyebutharga Surat Akuan Pembida
2.	Bab 3	Borang Jadual Harga
3.	Bab 4	Pengalaman Syarikat
4.	Bab 5	Butir-Butir Penyebutharga & Maklumat Kewangan Syarikat :- ➤ Penyata Kewangan untuk 3 tahun terakhir ➤ Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir
5.		➤ Salinan Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan (MOF) ➤ Salinan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate – TCC</i>)
6.		Salinan 'hardcopy' dan 'softcopy'

4.3 Sampul tersebut hendaklah ditanda di bahagian atas sebelah kanan sampul surat dengan maklumat berikut:-

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PEMBEKALAN PERALATAN
GIMNASIUM DI TINGKAT 13, BANGUNAN MIDA SENTRAL**

**SEBUT HARGA MIDA BIL.: 14/2026
DITUTUP PADA: 24 OGOS 2026 (ISNIN)
MASA: SEBELUM / PADA 12.00 TENGAHARI**

- 4.4 Senarai semak Sebut Harga bagi dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti di **Lampiran Semakan**.

Semua sebut harga hendaklah dialamatkan kepada:-

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

- 4.5 Sebut harga hendaklah diserahkan di:-

**Bahagian Pengurusan Korporat
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Tingkat 14, MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

5. SYARAT – SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

5.1 HARGA

- (a) **Harga indikatif** bagi sebut harga ini adalah sebanyak **RM91,150.00 termasuk 8% SST**.
- (b) Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- (c) Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.
- (d) Harga yang disebutkan hendaklah harga bersih termasuk kos penghantaran, pemasangan, insurans, diskaun, cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan sebagainya. Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebut harga ini sah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.

5.2 SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

5.3 BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5.4 PERSETUJUAN

- (a) MIDA tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (b) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

5.5 PEMERIKSAAN

- (a) MIDA sentiasa berhak melantik pegawai untuk memeriksa atau menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut ; dan
- (b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

5.6 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

5.7 PENOLAKAN

- (a) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada MIDA segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (c) Fasal kecil (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak MIDA untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

5.8 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MIDA.

5.9 TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

5.10 INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

5.11 LARANGAN

- (a) Pengangkutan bagi barang-barang larangan dan merbahaya adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pihak syarikat hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan bagi kemasukan barang-barang ke negara berkenaan dipatuhi.
- (b) Barang-barang kepunyaan orang lain (pihak ketiga) adalah tidak dibenarkan dimuatkan bersama barangan MIDA.

5.12 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- (c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebutharga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- (d) Mana-mana kontraktor atau Penyebutharga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

5.13 **PENAMATAN**

MIDA atau melalui wakilnya berhak membatalkan perkhidmatan sekiranya syarikat berada dalam salah satu daripada keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada MIDA atau melalui wakilnya.

- (a) Sekiranya syarikat masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di dalam sebutharga tuan.
- (b) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- (c) Tidak mematuhi arahan MIDA atau wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah.
- (d) Apabila syarikat diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

5.14 **PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH ATAU AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG**

- (a) Tanpa prejudis ke atas mana-mana hak MIDA, sekiranya SYARIKAT, personel, kakitangan atau pekerjaanya telah disabitkan bersalah di Mahkamah untuk rasuah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang berhubung dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain antara MIDA dan SYARIKAT tersebut, sekiranya ada, MIDA berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta-merta kepada SYARIKAT bagi maksud itu.
- (b) Akibat daripada penamatan tersebut, MIDA berhak menuntut segala kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh MIDA.

- (c) Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa pihak SYARIKAT tidak mempunyai sebarang hak untuk membuat tuntutan ganti rugi termasuk kekurangan keuntungan, kerugian, atau apa-apa tuntutan lain akibat daripada penamatan Perjanjian ini.

6. **PENERIMAAN SEBUT HARGA**

- 6.1 MIDA akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya disetujuterima.
- 6.2 Notis itu tidaklah boleh disifatkan sebagai disetujuterima sehingga pengesahan bertulis daripada penyebutharga menyatakan bahawa semua syarat-syarat sebutharga atau yang diubahsuai adalah diterima.

7. **BANTAHAN SPESIFIKASI**

Penyebut harga yang merasa tidak berpuashati dengan spesifikasi yang disediakan, mereka berhak untuk membuat bantahan kepada MIDA dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen sebutharga mula diedarkan. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

8. **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, syarikat diminta berhubung dengan **En. Syihabuddin Ahmad Mohamad, Bahagian Pengurusan Korporat** di talian **03-22676697** atau emel : **syihabuddin@mida.gov.my**.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL ABDUL RAHMAN)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

BAB 1

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
TINGKAT 14, MIDA SENTRAL
NO. 5, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50470 KUALA LUMPUR.**

SEBUT HARGA MIDA BIL. 14/2026

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PEMBEKALAN PERALATAN GIMNASIUM DI
TINGKAT 13, BANGUNAN MIDA SENTRAL**

Kepada:

Penyebutharga-penyebutharga,

Borang ini hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan JADUAL HARGA di dalam SAMPUL SURAT BERLAKRI

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.**

Tuan,

SEBUT HARGA MIDA BIL: 14/2026

SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PEMBEKALAN PERALATAN GIMNASIUM DI TINGKAT 13, BANGUNAN MIDA SENTRAL

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut harga, saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengambil bahagian sebutharga dan menawarkan untuk melaksanakan perkhidmatan di atas mengikut penentuan spesifikasi yang ditetapkan di dalam Dokumen Sebut harga.

2. Saya yang menurunkan tandatangan di bawah ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan semua Syarat-syarat Kontrak dan Spesifikasi Sebut harga ini dan bersetuju di atas harga yang ditawarkan RM..... sebagai asas perkiraan bagi pembayaran perkhidmatan yang telah dipesan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

3. Dengan ini juga telah difahami bahawa MIDA berhak menerima atau menolak sebarang sebut harga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan sebut harga-sebut harga yang lain. Saya juga bersetuju untuk menerima kesemua atau sebahagian dari item-item yang ditawarkan dan sedia mengikut kehendak dan pertimbangan MIDA. Saya juga bersetuju bahawa harga sebut harga

yang saya beri ini akan sah laku (*valid*) dan tidak ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga dan tiada apa-apa syarat dikenakan selepas tarikh ditetapkan.

4. Selanjutnya saya bersetuju sekiranya sebut harga saya diterima, saya akan mengikat perjanjian kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh terima surat tawaran dari MIDA, sekiranya diarahkan.

5. Saya juga mengesahkan, setelah menyemak sendiri iaitu semua dokumen yang digunakan untuk sebut harga ini adalah yang sebenar yang terdapat di dalam Dokumen Sebut harga.

Nama : _____
Penyebutharga _____
(Tandatangan
Penyebutharga)

Alamat dan Cop : _____
Rasmi Syarikat _____

Tarikh : _____

Nama Saksi : _____
(Tandatangan Saksi)

Alamat : _____

SURAT AKUAN PEMBIDA

**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN PEMBEKALAN PERALATAN GIMNASIUM DI
TINGKAT 13, BANGUNAN MIDA SENTRAL**

(SEBUTHARGA MIDA NO. 14/2026)

Saya, nombor K.P.
yang mewakili syarikat
nombor Pendaftaran syarikat dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak
akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau
mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas.
Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam MIDA atau mana-
mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka
saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-
kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Cop Syarikat :

BAB 2

SPESIFIKASI TEKNIKAL & SKOP PERKHIDMATAN

JADUAL MAKLUMBALAS SPESIFIKASI TEKNIKAL

Bil	Perkara / Spesifikasi	Spesifikasi Minimum (Mandatori)	Patuhi (Ya/Tidak)	Maklumat Lanjut/ Cadangan
1.	CARDIO MACHINE			
A	TREADMILL			
1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) yang direka untuk kegunaan berat.		
2	Kuasa Motor	Kuasa motor utama sekurang-kurangnya <i>3.0 HP Continuous Duty (CHP)</i> .		
3	Kawasan Larian	Ukuran tali sawat larian (<i>running belt</i>) minimum 55 cm (Lebar) x 150 cm (Panjang).		
4	Kapasiti Beban	Mampu menampung berat pengguna maksimum tidak kurang daripada 200 kg.		
5	Julat Kelajuan	Kelajuan maksimum sekurang-kurangnya mencapai 20 km/j.		
6	Kecondongan (Incline)	Mempunyai sistem kecondongan automatik (<i>Auto-Incline</i>) minimum sehingga 15%.		
7	Sistem Keselamatan & Keselesaian	Dilengkapi dengan sistem serapan hentakan (<i>cushioning system</i>) premium untuk perlindungan sendi.		
8	Paparan Konsol	Skrin paparan jenis LED digital yang menunjukkan maklumat Masa, Jarak, Kalori, Kelajuan, Kecondongan, dan Denyutan Jantung.		

	B	ELLIPTICAL			
	1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>Elliptical Cross Trainer</i> untuk kegunaan berat.		
	2	Sistem Rintangan (<i>Resistance</i>)	Sistem rintangan magnetik elektronik (<i>EMS</i>) dengan sekurang-kurangnya 40 tahap rintangan.		
	3	Panjang Langkah (<i>Stride Length</i>)	Mempunyai panjang langkah minimum 50 cm (20") untuk keselesaan larian semulajadi.		
	4	Kapasiti Beban	Mampu menampung berat pengguna maksimum tidak kurang daripada 200 kg.		
	5	Sistem Janakuasa (<i>Power</i>)	Jenis <i>self-generating</i> (janakuasa sendiri), tidak memerlukan sambungan palam elektrik luaran.		
	6	Sistem Roda Tenaga (<i>Flywheel</i>)	Berat roda tenaga (<i>flywheel</i>) minimum 13 kg untuk kayuhan yang lancar.		
	7	Paparan Konsol	Skrin paparan digital LED yang menunjukkan maklumat Masa, Jarak, Kalori, Tahap Rintangan, dan Denyutan Jantung.		
	8	Ciri Keselamatan & Ergonomik	Dilengkapi dengan dwi-pemegang (tetap dan bergerak) serta pedal kaki dengan reka bentuk ergonomik berinversi 2 darjah.		
	9	Ciri Tambahan	Mempunyai kipas angin terbina dalam (<i>built-in cooling fan</i>), tempat letak botol air, dan roda pengangkutan.		

	C	UPRIGHT BIKE			
	1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>Commercial Upright Bike</i> untuk kegunaan berat.		
	2	Sistem Rintangan (Resistance)	Sistem rintangan magnetik elektronik (<i>EMS</i>) dengan sekurang-kurangnya 40 tahap rintangan.		
	3	Sistem Janakuasa (<i>Power</i>)	Jenis <i>self-generating</i> (janakuasa sendiri) / hibrid dengan sokongan adaptor kuasa luaran.		
	4	Kapasiti Beban	Mampu menampung berat pengguna maksimum tidak kurang daripada 180 kg.		
	5	Sistem Roda Tenaga (<i>Flywheel</i>)	Berat roda tenaga (<i>flywheel</i>) minimum 13 kg untuk kayuhan yang lancar dan stabil.		
	6	Pelaras Tempat Duduk (<i>Seat Adjustment</i>)	Tempat duduk yang ergonomik dengan pelarasan ketinggian (menegak) dan kedalaman (mendatar) berbilang posisi.		
	7	Paparan Konsol	Skrin paparan digital LED yang menunjukkan maklumat Masa, Jarak, Kalori, Kelajuan (<i>RPM</i>), Tahap Rintangan, dan Denyutan Jantung.		
	8	Ciri Keselamatan & Ergonomik	Pedal kaki jenis premium dengan tali pengikat boleh laras (<i>adjustable straps</i>) dan dwi-pemegang dengan penderia denyutan jantung.		
	9	Ciri Tambahan	Mempunyai kipas angin terbina dalam (<i>built-in cooling fan</i>), tempat letak botol air, dan roda pengangkutan.		

D	INDOOR ROWER / ROWING MACHINE			
1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>Commercial Indoor Rower / Rowing Machine</i> untuk latihan kardio dan ketahanan badan penuh.		
2	Sistem Rintangan (<i>Resistance</i>)	Sistem rintangan udara (<i>Air Resistance</i>) atau hibrid (<i>Air & Magnetic</i>) yang menyesuaikan rintangan secara dinamik mengikut daya tarik pengguna.		
3	Pelarasan Rintangan (<i>Damper</i>)	Mempunyai tuas pelaras aliran udara (<i>damper lever</i>) dengan sekurang-kurangnya 10 tahap kawalan rintangan (<i>Level 1-10</i>).		
4	Pemacu & Rantai (<i>Drive System</i>)	Menggunakan rantai keluli bersalut nikel (<i>nickel-plated steel chain</i>) atau tali pemacu bertetulang (<i>heavy-duty belt drive</i>) yang tahan lasak dan kurang penyelenggaraan.		
5	Landasan & Kerusi (<i>Rail & Seat</i>)	Landasan aluminium/keluli tahan karat bersalut keluli tahan karat (<i>stainless steel track</i>) dengan kerusi berpetak ergonomik yang bergerak lancar menggunakan roda bergelas (<i>sealed bearings</i>).		
6	Pedal & Pijakan Kaki (<i>Footrests</i>)	Pedal kaki jenis boleh laras mengikut saiz kasut (<i>flexfoot/adjustable footrests</i>) dengan tali pengikat keselamatan (<i>adjustable straps</i>).		
7	Paparan Konsol (<i>Performance Monitor</i>)	Skrin paparan digital LED berkuasa bateri/janakuasa sendiri yang memaparkan Masa, Jarak, Kalori, Kelajuan (Masa/500m), SPM (<i>Strokes Per Minute</i>), Watts, dan Denyutan Jantung.		
8	Kapasiti Beban Maksimum	Mampu menampung berat pengguna maksimum tidak kurang daripada 150 kg hingga 220 kg.		

	9	Mobiliti & Penyimpanan	Reka bentuk rangka komersial yang stabil, boleh dipisahkan/dilipat atau didirikan secara menegak untuk penyimpanan jimat ruang, serta dilengkapi roda pengangkutan.		
2.		STRENGTH MACHINE			
	A	4-STACK MULTI STATION			
	1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>4-Stack Multi-Station Gym</i> untuk latihan bebanan serbaguna.		
	2	Bilangan Stesen Kerja (<i>Stations</i>)	Mempunyai sekurang-kurangnya 4 stesen kerja berasingan yang membolehkan 4 pengguna bersenam serentak.		
	3	Variasi Latihan (<i>Workouts</i>)	Menyediakan stesen latihan merangkumi: <i>Leg Extension/Leg Curl, Chest Press/Pec Fly, Lat Pulldown/Low Row, dan Adjustable Cable Column (Tricep/Bicep/Functional)</i> .		
	4	Beban Penuh (<i>Weight Stacks</i>)	Dilengkapi dengan 4 set blok bebanan besi (<i>weight stacks</i>) bebas dengan berat minimum setiap satu antara 70 kg hingga 90 kg.		
	5	Sistem Kabel & Takal (<i>Cables/Pulleys</i>)	Menggunakan kabel keluli tahan lasak gred penerbangan (<i>aircraft spec</i>) bersalut nilon 21system21 takal bergalas (<i>sealed bearings</i>) untuk pergerakan 21system.		
	6	Struktur Rangka (<i>Frame</i>)	Rangka utama dibina daripada keluli tebal (<i>heavy-duty steel frame</i>) dengan kemas salutan serbuk (<i>powder coating</i>) tahan calar.		
	7	Kusyen & Ergonomik (<i>Upholstery</i>)	Kusyen tempat duduk dan penyandar belakang jenis berketumpatan tinggi (<i>high-density foam</i>) dengan pelarasan ketinggian yang mudah.		

	8	Carta Panduan (<i>Instructional Placards</i>)	Dilengkapi dengan papan carta visual/poster panduan senaman yang jelas pada setiap stesen kerja.		
	9	Ciri Keselamatan & Pelindung	Mempunyai 22system pelindung beban (<i>weight stack shrouds/shields</i>) sepenuhnya demi keselamatan pengguna semasa operasi.		
3. FREE WEIGHT					
A DUMBBELL SETS					
	1	Gred / Kategori	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>Heavy-Duty Dumbbell Set</i> lengkap dengan rak simpanan.		
	2	Bahan Binaan <i>Dumbbell</i>	Besi tuang (<i>cast iron</i>) padu dengan salutan getah premium (<i>rubber/polyurethane coated</i>) untuk menyerap hentakan dan melindungi lantai.		
	3	Reka Bentuk Kepala	Jenis kepala bulat (<i>round head</i>) atau heksagon (<i>hexagonal</i>) dengan sambungan kekal pada pemegang (<i>anti-loosen design</i>).		
	4	Pemegang (<i>Handle</i>)	Pemegang keluli pepejal bersalut krom tahan karat dengan tekstur cengkam anti-gelincir (<i>knurled handle</i>).		
	5	Set <i>Dumbbell</i> Kategori I (Ringan)	Set berpasangan (<i>pairs</i>) merangkumi berat: 2kg, 3kg, 4kg, dan 5kg.		
	6	Set <i>Dumbbell</i> Kategori II (Sederhana/Berat)	Set berpasangan (<i>pairs</i>) merangkumi berat: 2.5kg, 5kg, 7.5kg, 10kg, 12.5kg, 15kg, 17.5kg, 20kg, 22.5kg, dan 25kg.		
	7	Rak Simpanan (<i>Storage Rack</i>) - Struktur	Rangka tebal (<i>heavy-duty steel frame</i>) dengan reka bentuk 2-tier atau 3-tier yang mampu menampung keseluruhan berat dumbbell dengan stabil.		
	8	Rak Simpanan - Ciri Keselamatan	Dilengkapi dengan pelindung tapak/kaki getah anti-gelincir (<i>rubber feet</i>) untuk kestabilan		

			serta pelindung pelana (<i>saddle/cradle</i>) bagi mengelakkan dumbbell bergerak atau calar.		
	9	Kemasan Rangka Rak	Kemasan salutan serbuk elektrostatik (<i>electrostatic powder coating</i>) industri yang tahan calar dan karat.		
	B	FLAT BENCH			
	1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>Heavy-Duty Flat Bench</i> (Bangku Rata Tetap) untuk senaman bebanan bebas.		
	2	Reka Bentuk Kedudukan (<i>Design</i>)	Kedudukan rata kekal (<i>fixed flat position</i>) tanpa komponen bergerak untuk memberikan kestabilan maksimum dan struktur yang lebih kukuh.		
	3	Kapasiti Beban Maksimum	Mampu menampung berat gabungan (berat badan pengguna + bebanan berat <i>dumbbell/barbell</i>) minimum tidak kurang daripada 400 kg hingga 500 kg.		
	4	Struktur Rangka (<i>Frame</i>)	Rangka utama dibina daripada keluli komersial tebal (<i>heavy-duty steel chassis</i>) dengan reka berkaki lebar (<i>wide-base</i>) anti-goyang.		
	5	Kusyen & Upholstari	Kusyen ergonomik berketumpatan tinggi (<i>high-density foam padding</i>) bersalut kulit tiruan komersial (<i>premium vinyl/PU</i>) yang tahan peluh, lasak, anti-koyakan, dan mudah dibersihkan.		
	6	Ketebalan Kusyen	Ketebalan pad kusyen sekurang-kurangnya 50 mm hingga 60 mm untuk keselesaan optimal semasa menampung bebanan berat.		
	7	Mobiliti & Pengangkutan	Dilengkapi dengan roda pengangkutan (<i>transport wheels</i>) bersepadu dan pemegang (<i>handle</i>) untuk memudahkan alihan jika diperlukan.		

8	Ciri Keselamatan & Kemasan	Tapak rangka dilengkapi dengan pelindung getah (<i>rubber end caps</i>) anti-gelincir bagi melindungi rantai daripada calar serta kemasan salutan serbuk (<i>powder coating</i>) gred industri.		
C	ADJUSTABLE BENCH			
1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis Heavy-Duty Adjustable Bench dengan sokongan penahan kaki (<i>leg rollers</i>) untuk latihan bebanan serbaguna.		
2	Pelarasan Sudut (<i>Adjustability</i>)	Mempunyai mekanisme pelarasan berbilang posisi (<i>multi-angle</i>) yang menyokong posisi condong ke atas (<i>incline</i>), rata (<i>flat</i>), dan condong ke bawah (<i>decline / decline press</i>).		
3	Tahap Pelarasan Penyandar	Sekurang-kurangnya mempunyai 6 hingga 8 tahap pelarasan sudut pada kusyen penyandar belakang (<i>backrest</i>) jenis ' <i>ladder/pop-pin adjustment</i> '.		
4	Tahap Pelarasan Tempat Duduk	Sekurang-kurangnya mempunyai 3 tahap pelarasan sudut pada kusyen tempat duduk (<i>seat padding</i>) untuk keselesaan dan kestabilan posisi pengguna semasa posisi <i>decline/incline</i> .		
5	Sokongan Penahan Kaki (Leg Rollers)	Dilengkapi dengan dwi-pad penggulung kaki (<i>padded leg rollers</i>) bersalut kusyen tebal untuk menyokong pergelangan kaki/peha semasa latihan posisi <i>decline</i> .		
6	Kapasiti Beban Maksimum	Mampu menampung berat gabungan (berat badan pengguna + bebanan berat <i>dumbbell/barbell</i>) minimum tidak kurang daripada 350 kg.		

7	Struktur Rangka (Frame)	Rangka utama dibina daripada keluli komersial tebal (<i>heavy-duty steel chassis</i>) yang tegap dengan roda pengangkutan (<i>transport wheels</i>) terbina dalam pada bahagian tapak.		
8	Kusyen & Upholstari	Kusyen ergonomik berketumpatan tinggi (<i>high-density foam</i>) bersalut kulit tiruan komersial (<i>premium vinyl/PU</i>) yang tahan peluh, lasak, anti-koyakan, dan mudah dibersihkan.		
9	Ciri Keselamatan & Kemasan	Tapak dilengkapi dengan pelindung getah anti-gelincir serta kemasan salutan serbuk (<i>powder coating</i>) gred industri yang tahan calar.		
D	ADJUSTABLE ABS BENCH			
1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>Heavy-Duty Adjustable Abs / Crunch Bench</i> khusus untuk latihan otot abdomen.		
2	Pelarasan Sudut Kecondongan	Mempunyai mekanisme pelarasan sudut decline berbilang tahap (<i>multi-angle adjustment</i>) menggunakan sistem takuk pin (<i>pop-pin/ladder notch</i>) untuk mengubah tahap intensiti latihan.		
3	Sokongan Penahan Kaki (Leg Anchors)	Dilengkapi dengan 4 unit penggulung pad (<i>padded rollers</i>) tebal bersalut kusyen untuk mengunci posisi buku lali dan bawah lutut dengan kemas semasa latihan.		
4	Pemegang Bantuan (<i>Assist Handle</i>)	Mempunyai pemegang sokongan bersepadu (<i>ergonomic grab handle</i>) pada bahagian atas berhampiran pemegang kaki untuk membantu pengguna naik/turun dari bangku dengan selamat.		

	5	Kapasiti Beban Maksimum	Mampu menampung berat gabungan (berat badan pengguna + bebanan tambahan) minimum tidak kurang daripada 250 kg hingga 300 kg.		
	6	Struktur Rangka (<i>Frame</i>)	Rangka utama dibina daripada keluli komersial tebal (<i>heavy-duty oval/square steel tubing</i>) yang tegap dengan roda pengangkutan (<i>transport wheels</i>) terbina dalam untuk mobiliti mudah.		
	7	Kusyen & Upholstari	Kusyen berkepadatan tinggi (<i>high-density foam</i>) bersegmen (<i>padded seat & backrest</i>) bersalut kulit tiruan komersial premium yang tahan peluh, lasak, dan mudah dibersihkan.		
	8	Ciri Keselamatan & Kemasan	Tapak rangka dilengkapi dengan pelindung getah anti-gelincir (<i>rubber feet</i>) untuk melindungi lantai serta kemasan salutan serbuk (<i>powder coating</i>) gred industri yang tahan calar.		
	E	<i>HYPEREXTENSION BENCH</i>			
	1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>45-Degree Roman Chair / Hyperextension Bench</i> untuk latihan otot teras (<i>core</i>) dan belakang bawah (<i>lower back</i>).		
	2	Sudut Kedudukan Rangka	Reka bentuk rangka dengan sudut condong tetap 45 darjah untuk memberikan biomekanik latihan yang ergonomik dan selamat bagi mengurangkan tekanan melampau pada tulang belakang.		
	3	Pelarasan Pad Peha (<i>Thigh Pads</i>)	Mempunyai dwi-pad peha (<i>split thigh pads</i>) yang tebal dengan mekanisme pelarasan ketinggian berbilang tahap (<i>multi-position</i>		

			<i>adjustment</i>) menggunakan pin penarik (<i>pop-pin</i>) untuk disesuaikan dengan ketinggian pengguna.		
	4	Penahan Buku Lali (<i>Leg Rollers</i>)	Dilengkapi dengan pad penggulung (<i>padded rollers</i>) silinder tebal bersalut kusyen untuk mengunci posisi buku lali/kaki dengan kemas semasa latihan.		
	5	Plat Tapak Kaki (<i>Footplate</i>)	Mempunyai plat tapak kaki keluli jenis bertekstur anti-gelincir (<i>diamond-plate / checkered steel footplate</i>) dengan sudut condong untuk sokongan kestabilan tapak kaki yang optimum.		
	6	Pemegang Bantuan (<i>Assist Handles</i>)	Dilengkapi dengan dwi-pemegang sisi (<i>side grab handles</i>) bersalut getah berhampiran pad peha untuk membantu pengguna naik, turun, atau menstabilkan diri semasa memulakan latihan.		
	7	Kapasiti Beban Maksimum	Mampu menampung berat gabungan (berat badan pengguna + bebanan tambahan yang dipegang) minimum tidak kurang daripada 150 kg hingga 200 kg.		
	8	Struktur Rangka (<i>Frame</i>)	Rangka utama dibina daripada keluli komersial tebal gred industri (<i>heavy-duty steel chassis</i>) dengan reka bentuk tapak yang stabil dan anti-goyang.		
	9	Kusyen & Upholstari	Kusyen pad peha berkepadatan tinggi (<i>high-density foam</i>) bersalut kulit tiruan komersial premium yang tahan peluh, lasak, anti-koyakan, dan mudah dibersihkan.		

F	VERTICAL KNEE RAISE			
1	Jenis / Gred Alat	Gred Komersial (<i>Commercial-Grade</i>) jenis <i>Vertical Knee Raise / Power Tower Multi-Function Station</i> untuk latihan berat badan (<i>bodyweight training</i>).		
2	Variasi Fungsi Latihan	Menyediakan kombinasi sekurang-kurangnya 4 fungsi latihan utama: <i>Vertical Knee Raise (VKA)</i> untuk abdominal, <i>Pull-Up/Chin-Up</i> , <i>Dipping</i> , dan <i>Push-Up</i> .		
3	Stesen Pull-Up (<i>Pull-Up Station</i>)	Dilengkapi bar pull-up atas jenis lengkung ergonomik (<i>curved bar</i>) yang menawarkan pelbagai posisi cengkam (<i>wide, narrow, neutral grip</i>).		
4	Pad Lengan & Penyandar (<i>Pads</i>)	Mempunyai pad lengan (<i>arm pads</i>) dan penyandar belakang (<i>backrest</i>) tebal jenis berketumpatan tinggi (<i>high-density foam</i>) bersalut kulit tiruan komersial untuk sokongan optimum semasa latihan abs.		
5	Dwi-Pemegang (<i>Handles</i>)	Dilengkapi dengan pemegang menegak (<i>untuk knee raise</i>) dan pemegang mendatar (<i>untuk dipping</i>) bersalut getah anti-gelincir komersial.		
6	Pijakan Kaki Bantuan (<i>Step-Up Platforms</i>)	Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahap plat pijakan kaki keluli bertekstur anti-gelincir (<i>checkered/textured step-up plates</i>) untuk memudahkan pengguna naik dan turun dari stesen larian lengan.		
7	Kapasiti Beban Maksimum	Mampu menampung berat pengguna maksimum tidak kurang daripada 150 kg hingga 180 kg.		

	8	Struktur Rangka (Frame)	Rangka utama dibina daripada keluli komersial tebal (<i>heavy-duty heavy-gauge steel frame</i>) berbentuk melengkung tegap untuk kestabilan tinggi tanpa perlu skru pada lantai.		
	9	Ciri Keselamatan & Kemasan	Tapak dilengkapi dengan pelindung getah anti-gelincir (<i>rubber base caps</i>) untuk kestabilan serta kemasan salutan serbuk (<i>powder coating</i>) gred industri yang tahan calar.		
4. SKOP KERJA DAN PEMASANGAN					
	1	Persediaan & Pengalihan	Membuat pemeriksaan tapak, membuka dan mengalihkan peralatan gimnasium lama dari kawasan gimnasium.		
	2	Penghantaran & Pemasangan	Kerja-kerja membekal, menghantar, memunggah, dan memasang keseluruhan peralatan gimnasium baharu mengikut susun atur yang diluluskan.		
	3	Pengujian & Pentausahaan (T&C)	Melaksanakan kerja-kerja pengujian dan pentausahaan (<i>testing & commissioning</i>) ke atas semua fungsi mekanikal dan elektronik peralatan.		
	4	Pembersihan Tapak	Kerja-kerja pembersihan dan pelupusan bahan pembungkusan/buangan yang berkaitan dengan kerja-kerja pembekalan.		
	5	Latihan Pengendalian (Briefing)	Menyediakan sesi taklimat/latihan pengendalian dan penjagaan asas peralatan kepada pengurusan gimnasium / pegawai bertugas.		
	6	Pengalaman dan Prestasi	Rekod kerja pembekalan peralatan kecergasan/gimnasium dalam tempoh 3 tahun lepas (Sertakan Surat Perakuan Siap Kerja/Laporan Prestasi).		

5.		JAMINAN DAN PERKHIDMATAN LEPAS JUALAN			
	1	Waranti Rangka (<i>Frame</i>)	Jaminan kilang terhadap rangka utama keluli sekurang-kurangnya 5 hingga 10 tahun.		
	2	Waranti Motor (<i>Treadmill</i>)	Jaminan kilang terhadap motor utama <i>treadmill</i> sekurang-kurangnya 3 hingga 5 tahun.		
	3	Waranti Komponen / Alat Ganti	Jaminan terhadap komponen mekanikal, elektronik, kabel, dan alat ganti sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun.		
	4	Waranti Perkhidmatan / Penyelenggaraan	Jaminan perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan berkala (Response time $\leq$ 48 jam) selama sekurang-kurangnya 12 bulan.		
	5	Tempoh Pelaksanaan Kerja	Keseluruhan kerja pembekalan, pemasangan, dan pentauliahan hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan selepas tarikh surat lantikan.		
6		NILAI TAMBAH (PERALATAN SOKONGAN & PERKHIDMATAN TAMBAHAN)			
	A	Pakej Aksesori Asas dan Peralatan Sokongan Bersenam yang Termasuk dalam Tawaran Keseluruhan Pembekal Tanpa Kos Tambahan (sekiranya ada)			
	1	Contoh: Yoga Mats	Contoh: 3 units		
	2	Contoh: Gym/Swiss Balls	Contoh: 2 units		
	3				
	4				
	5				
	6				

	B	PERKHIDMATAN TAMBAHAN DARIPADA PEMBEKAL (sekiranya ada)		
	1	Penyelenggaraan Percuma Tambahan	Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan berkala percuma tambahan (<i>Preventive Maintenance</i>) melebihi tempoh jaminan asas.	
	2	Poster Panduan & Papan Tanda	Membekalkan papan carta visual panduan senaman wall-chart berkualiti tinggi dan papan tanda arahan/keselamatan gimnasium secara percuma.	
	3	Sesi Klinik Kecergasan & Demo	Menyediakan perkhidmatan jurulatih bertauliah (<i>Certified Trainer</i>) untuk mengendalikan sesi demonstrasi dan klinik kecergasan percuma bagi staf MIDA.	

BAB 3

JADUAL MAKLUMBALAS HARGA

No.	Perkara / Deskripsi Peralatan	Unit	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
A. CARDIO MACHINE					
1	<i>Treadmill (Commercial Grade)</i>	Unit	3		
2	<i>Elliptical Cross Trainer (Commercial Grade)</i>	Unit	2		
3	<i>Upright Bike (Commercial Grade)</i>	Unit	2		
4	<i>Indoor Rower (Commercial Grade)</i>	Unit	1		
Jumlah A (Cardio Machine)					
B. STRENGTH MACHINE					
5	<i>4-Way Multi Station Gym (4-Stack)</i>	Unit	1		
Jumlah B (Strength Machine)					
C. FREE WEIGHT & BENCHES					
6	<i>Dumbbell Sets c/w Storage Rack (Set I: 2kg-5kg & Set II: 2.5kg-25kg)</i>	Set	1		
7	<i>Heavy-Duty Flat Bench</i>	Unit	1		
8	<i>Heavy-Duty Adjustable Bench c/w Leg Rollers</i>	Unit	1		
9	<i>Heavy-Duty Adjustable Abs Bench</i>	Unit	1		
10	<i>45-Degree Hyperextension Bench (Roman Chair)</i>	Unit	1		
11	<i>Multi-Function Vertical Knee Raise (VKR)</i>	Unit	1		

Jumlah C (Free Weight & Benches)					
JUMLAH JENIS PERALATAN (A+B+C)					15
D. SKOP KERJA, PEMASANGAN & PERKHIDMATAN TAMBAHAN					
12	<i>Kerja-kerja Persediaan Tapak, Demolisi & Mengangkat Keluar Peralatan Lama</i>	L/S	1		
13	<i>Penghantaran, Memunggah, Pemasangan, Testing & Commissioning (T&C)</i>	L/S	1		
14	<i>Program Trade-In (Nilai Beli Tukar / Rebat Peralatan Lama)</i>	L/S	1		
Jumlah D (Skop Kerja & Perkhidmatan)					
JUMLAH KESELURUHAN BERSIH (A + B + C + D)					

BAB 4

A. PENGALAMAN/PROFIL SYARIKAT

Senarai projek yang sama yang telah disiapkan dalam tempoh tiga tahun terakhir mengikut kronologi:-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan dan Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Siap

B. PROJEK YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Senarai projek :-

No.	Butiran Kontrak	Nama Pelanggan & Alamat	Jumlah Kontrak (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Dijangka Siap	% Kemajuan

BAB 5

BUTIR-BUTIR PENYEBUT HARGA & MAKLUMAT KEWANGAN SYARIKAT

Syarikat perlu mengisi dengan lengkap semua seksyen dalam borang ini. Sekiranya ruang tidak mencukupi, maklumat boleh dikemukakan dalam kertas berasingan.

A. MAKLUMAT AM

1. Nama Syarikat :
2. Alamat :
3. No. Telefon :
4. No. Faks :
5. Emel :
6. Tarikh Pendaftaran/ Penubuhan :
7. No. Daftar Syarikat / Perniagaan :
8. Tempat Pendaftaran/ Penubuhan :
9. Komposisi Pemegang Saham :

No.	Nama Pemegang Saham	Jawatan	% Pegangan

10. Peratusan Penyertaan Bumiputera : _____ (%). (Sila kemukakan maklumat lanjut atau salinan sah pendaftaran sebagai Pembekal Bumiputera dengan Kementerian Kewangan).

11. Maklumat Pendaftaran Kementerian Kewangan

No.	No. Pendaftaran	No. bidang	Butiran / Keterangan	Tempoh Sah

Nota : Sila lampirkan salinan sijil pendaftaran.

12. Struktur Modal Syarikat :

(i) Modal Dibenarkan :

(ii) Modal Berbayar :

B. KEWANGAN

- a. Ringkasan aset dan tanggungan berdasarkan akaun yang diaudit bagi tiga (3) tahun terakhir.

Tahun Kewangan:	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (RM)
- Jumlah Aset - Aset Semasa - Jumlah Tanggungan - Tanggungan Semasa - Nilai Bersih - Modal Kerja			

- b. Bank-bank Utama:

No.	Nama Bank & Alamat	Jenis Akaun
1. 2. 3.		

- c. Kemudahan Kredit (Jenis dan jumlah kredit yang boleh disediakan oleh syarikat:)

No.	Jenis Kemudahan Kredit	Bank/Institusi Kewangan	Jumlah (RM)
1.			
2.			
3.			

Nota:

Penyata Bank bagi tempoh tiga (3) bulan terakhir hendaklah disertakan bersama-sama serahan borang sebutharga.

LAMPIRAN SEMAKAN



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

SEBUTHARGA PEROLEHAN PEMBEKALAN PERALATAN GIMNASIUM DI TINGKAT 13, BANGUNAN MIDA SENTRAL SEBUTHARGA MIDA BIL: 14/2026

SENARAI SEMAK

Sila tandakan (✓) atau nyatakan maklumbalas bagi dokumen yang disertakan:

Bil.	Perkara / Dokumen	Semakan oleh Syarikat	Semakan oleh MIDA
1.	Maklumat SSM (Salinan sijil disertakan)		
	Berdaftar dengan SSM dan tempoh pendaftaran masih berkuatkuasa (MANDATORI)		
	i) No. Sijil Pendaftaran (nyatakan)		
	ii) Tempoh Sahlaku Sijil Pendaftaran (nyatakan)		
2.	Syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dalam kod bidang berikut (dan tempoh pendaftaran masih berkuatkuasa)(MANDATORI): • 030501 – Peralatan Sukan Padang, Gelanggang, Rekreasi, Taman Permainan, Kecergasan Dan Sukan		
	i) No. Sijil Akuan Pendaftaran (nyatakan)		
	ii) Tempoh Sahlaku Sijil Pendaftaran (nyatakan)		
	iii) Salinan Sijil disertakan		
	iv) Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera (jika ada)		
	v) Peratus Penyertaan Bumiputera (nyatakan, jika ada)		
3.	Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Lembaga Hasil Dalam Negeri (MANDATORI)		
4.	Surat Akuan Penyebut Harga		
5.	Surat Akuan Pembida		
6.	Maklumbalas Teknikal (<i>Hardcopy & Softcopy</i>)		
	i) Surat litup (<i>cover letter</i>) syarikat/penyebutharga		

Bil.	Perkara / Dokumen	Semakan oleh Syarikat	Semakan oleh MIDA
	ii) Pengalaman syarikat		
7.	Maklumbalas Harga (<i>Hardcopy & Softcopy</i>)		
	i) Ringkasan Sebutharga dan Borang Jadual Harga		
	ii) Penyata Kewangan yang telah diaudit untuk 3 tahun terakhir		
	iii) Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir		
8.	Lain-lain dokumen:		
	i) Profil syarikat; dan		
	ii) Contoh kerja-kerja seumpama; dan		
	iii) Senarai jenama dan spesifikasi peralatan yang akan digunakan (Contoh: Katalog peralatan)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

PENGESAHAN OLEH MIDA

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada) :-

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :